

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN KAMARUDDIN BIN ABDUN**  
**TARIKH : 9 MEI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 11:**

Tuan Kamaruddin Bin Abdun minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian JKM bercadang untuk menyalurkan peruntukan makanan kepada rumah anak-anak yatim yang berdaftar di bawah Kementerian JKM dari RM8.00 sehari dinaikkan kepada RM16.00 sehari untuk 5 kali makan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melihat NGO atau dikenali sebagai pertubuhan sukarela kebajikan (PSK) sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Sebagai sokongan kepada usaha untuk melengkapi dan memperluaskan perkhidmatan kebajikan dan kemudahan kepada golongan masyarakat yang memerlukan, Kementerian telah menyediakan bantuan kewangan kepada PSK termasuk kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni yang tinggal berkediaman atau datang secara harian ke Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, di bawah peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bantuan yang disalurkan masih sebanyak RM8.00 sehari bagi kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni di pusat jagaan. JKJ memberi bantuan kewangan kepada PSK bagi menampung sebahagian kos operasi penyediaan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKJ. Peruntukan yang diterima bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM 22 juta. Pecahan agihan peruntukan tersebut sehingga April 2019 adalah seperti berikut:

- i. Geran Pentadbiran (utiliti,sewa,sagu hati sukarelawan)  
sebanyak RM 2,495,274.00
- ii. Geran Rangsum (makan dan minum)  
sebanyak RM 7,075,976.00
- iii. Elaun Khas Murid OKU  
Sebanyak RM 2,253,600.00

Sebagai menyokong usaha Kerajaan, PSK juga diharap dapat mengambil inisiatif untuk mendapatkan dana lain bagi menampung kos pengurusan pusat jagaan demi kesejahteraan penghuni. Ini adalah selaras dengan prinsip kerjasama strategik yang dijalinan.

## **SOALAN NO. 11**

Kementerian mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan oleh PSK terutama dalam memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada kumpulan sasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA** : **PROF EMERITUS TAN SRI DATO' SERI**  
**DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**  
**TARIKH** : **9 MEI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 21**

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bantuan-bantuan yang diwujudkan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah Kerajaan Malaysia Baru dan bagaimanakah pihak ini membuat permohonan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai bantuan diwujudkan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terdapat tiga (3) jenis bantuan iaitu bantuan geran tahunan, bantuan bulanan dan bantuan sekaligus. Kesemua bantuan ini diagihkan sebagai tujuh (7) bantuan khusus. Geran tahunan diberikan kepada TASKA OKU dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) bagi membantu Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) mengoperasi TASKA OKU dan PDK. Terdapat sebanyak enam (6) buah TASKA OKU dan 554 buah PDK di seluruh Malaysia.

Bantuan kewangan bulanan pula terdiri daripada Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM400.00 sebulan, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM250.00 sebulan, Bantuan Pesakit Kronik / OKU Terlantar (BPT) yang diberi kepada penjaga OKU terlantar sebanyak RM300.00 sebulan dan Elaun Khas Murid OKU sebanyak RM150.00 kepada kanak-kanak OKU yang menjalani pemulihan di PDK dan PSK yang berdaftar dengan JKM.

Bantuan sekaligus terdiri daripada Geran Pelancaran (GP) diberikan kepada OKU yang mempunyai minat dan potensi untuk menceburi bidang perniagaan dan perusahaan kecil agar boleh berdikari dengan kadar maksimum sebanyak RM2,700.00 dan Bantuan Alat Tiruan / Sokongan (BAT/S) bagi pembelian alat tiruan / sokongan yang diberi secara sekaligus kepada OKU yang bekeperluan.

Semua permohonan bantuan Kebajikan boleh dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) terdekat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : PUAN BATHMAVATHI KRISHNAN**  
**TARIKH : 9 MEI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 32:**

**Puan Bathmavathi Krishnan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk membantu golongan OKU dengan mencipta peralatan bantuan mudah dan berkos rendah yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berperanan untuk memberi perkhidmatan sosial berbentuk pemulihan, jagaan dan perlindungan serta bantuan kewangan dan peralatan OKU.

Walau bagaimanapun, JKM menyumbang ke arah kehidupan OKU berdikari melalui Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP), Bangi yang turut menawarkan latihan vokasional bagi pembuatan kerusi roda dan anggota tiruan yang diubahsuai (*customize*) mengikut keperluan atau ketidakupayaan klien OKU JKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan. Pengubahsuaian ini dibuat untuk kesesuaian dan keselesaan golongan OKU dengan kos rendah berbanding pengeluar lain.

JKM pernah bekerjasama dengan Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di bawah Program MOSTI *Social Innovation Fund* (MSI): Memperkasa Pembangunan Sosio Ekonomi Golongan OKU melalui program Latihan Kepada Tenaga Pengajar (TOT) pada tahun 2016 dan berjaya menghasilkan projek inovasi *F1 Wheelchair* bagi meningkatkan keupayaan mobiliti OKU.

Selain itu, JKM juga mempunyai *Universal Design Product Showcase@JKM-MRM* ditubuhkan di PLPP dengan kerjasama MRM pada tahun 2015. *Universal Design Product Showcase@JKM-MRM* merupakan sebuah galeri produk *Universal Design* yang pertama seumpamanya di negara ini. Galeri tersebut mempamerkan produk-produk berkonsepkan *Universal Design* yang dibuka untuk lawatan oleh orang awam yang melawat PLPP. *Universal Design* merupakan produk pengguna yang dihasilkan khusus untuk memberi kemudahan penggunaan harian kepada semua peringkat pengguna termasuk OKU.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 9 MEI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 39**

**Datuk Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan kementerian untuk memastikan kanak-kanak jalanan kembali ke sekolah dan tidak meminta sedekah.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius akan permasalahan kanak-kanak jalanan. Terdapat dua (2) kategori kanak-kanak jalanan iaitu kanak-kanak yang hidup di jalanan dan tidak mempunyai keluarga dan kanak-kanak yang mempunyai keluarga dan tempat tinggal tetapi mengemis di jalanan.

Bagi memastikan kanak-kanak jalanan kembali bersekolah dan tidak meminta sedekah, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengadakan operasi mengemis secara *ad-hoc* atau bersepadu bagi menyelamatkan kanak-kanak jalanan ini. Bagi kes kanak-kanak yang diselamatkan dalam operasi pengemisan yang mana ibu bapa adalah warganegara, teguran serta kaunseling akan dilakukan sekiranya diperlukan. Sekiranya siasatan mendapati kanak-kanak tiada dokumen pengenalan diri JKM akan membantu kanak-kanak mendapat dokumen pengenalan diri melalui permohonan ke JPN yang membantu kanak-kanak akses kepada kemudahan kesihatan dan pendidikan.

Manakala bagi kanak-kanak jalanan tiada keluarga yang diselamatkan, JKM boleh membuat merujuk penempatan kanak-kanak di institusi atau pusat jagaan sama ada rujukan terus ataupun melalui perintah mahkamah kepada orang yang layak dan sesuai supaya kanak-kanak ini diberikan pemeliharaan dan perlindungan. Bagi membantu kanak-kanak jalanan mendapat pendidikan tidak formal, JKM juga bekerjasama dengan Yayasan Chow Kit (YCK) bagi mengendalikan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) di kawasan Chow Kit bagi memberikan pendidikan tidak formal serta tempat rekreasi dan riadah kepada kanak-kanak tersebut. JKM dan YCK juga akan membantu kanak-kanak jalanan ini bagi urusan dokumentasi sijil lahir dengan JPN supaya mereka memperoleh identiti diri.

Kementerian mengambil maklum bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah memperkenalkan Dasar Pendidikan Wajib dan surat-surat pekeliling mengenai kemasukan murid ke sekolah. KPM

## SOALAN NO. 39

melalui dasar ini telah mewujudkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih di Chow Kit bagi kanak-kanak jalanan, kanak-kanak terpinggir, kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri, kanak-kanak yatim piatu yang tinggal di bawah pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar untuk mendapatkan pendidikan secara formal.

Selain itu, KPM juga telah memperkenalkan Pusat Pembelajaran Alternatif bagi memberikan pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak dapat menerima pendidikan di arus perdana. Pusat ini ditubuhkan serta dibiayai oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dengan pemantauan daripada KPM.